

Penggunaan Portal SLS Dalam Meningkatkan Kemahiran Interaksi Lisan

Siti Noordiana Sulaiman

siti_noordiana@schools.gov.sg

Fasihah Rahmat

fasihah_rahmat@schools.gov.sg

Sekolah Assumption English

Abstrak

Pelajar Menengah 3 menghadapi cabaran untuk memberikan respons peribadi yang berkualiti dalam perbualan lisan. Mereka kurang mampu mengembangkan idea yang diketengahkan dengan jelas, secara koheren dan menggunakan penerangan yang kukuh. Kajian ini berfokus pada penggunaan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) untuk membantu pelajar meningkatkan keupayaan dalam mengembangkan isi atau idea dalam perbualan. Pengkaji menggunakan Pengalaman Pembelajaran Pemerolehan dan rakaman audio di portal SLS. Ini dapat mewujudkan pembelajaran aktif dan memperbaiki penilaian prestasi pelajar melalui maklum balas dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka dalam mengembangkan isi perbualan dan menggunakan maklum balas guru dalam talian untuk memperbaiki kemahiran bertutur mereka.

Kata Kunci: kemahiran lisan, SLS, Pengalaman Pembelajaran Pemerolehan, rakaman audio, maklum balas dalam talian

PENGENALAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran bertutur bahasa Melayu, pelajar di peringkat sekolah menengah diharapkan dapat menyampaikan respons peribadi yang telah difikirkan secara teliti. Pelajar juga perlu menunjukkan pemahaman yang luas dan mendalam terhadap topik perbualan yang diajukan. Keupayaan untuk menjawab soalan yang diajukan secara spontan dan mengekalkan perbualan dengan menggunakan Bahasa Melayu yang fasih dan lancar juga dianggap sebagai tuntutan penguasaan kemahiran lisan dalam setiap pelajar.

Walaupun tuntutan kemahiran bertutur dalam kurikulum tidak banyak berubah, namun profil dan latar belakang pelajar generasi kini jauh berbeza. Mereka mendapat lebih pendedahan kepada alat-alat teknologi canggih. Maka, kaedah PdP dan penilaian prestasi kemahiran lisan yang dipilih dan dirancang oleh guru juga harus sejajar dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi. Oleh itu, portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) merupakan instrumen yang dikenal pasti untuk guru menyediakan pengalaman pembelajaran secara aktif. Guru juga dapat memantau prestasi pelajar melalui maklum balas yang diberikan dalam talian agar pelajar dapat memperbaiki kualiti isi perbualan dalam penyampaian lisan mereka. Dengan penggunaan portal SLS, pelajar boleh mengakses bahan-bahan pengajaran pada bila-bila masa yang mereka perlukan. Ini menimbulkan minat untuk terus belajar bahasa Melayu dengan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan prestasi kumpulan pelajar Menengah 3 Ekspres (2019), markah komponen 'Respons Peribadi dan Pengembangan Idea' dalam ujian lisan menunjukkan pelajar kurang mampu mengembangkan isi perbualan dengan baik semasa menjawab soalan lisan. Hal ini berlaku walaupun pelajar telah diajar menggunakan rutin berfikir dan dilatih bertutur menggunakan teknik terkini yang telah dipelajari melalui PdP yang dijalankan di dalam bilik darjah. Selain itu, bahan-bahan latihan tambahan juga telah dicetak dan diberikan kepada pelajar untuk mereka berlatih secara sendiri di rumah.



Guru pula menghadapi cabaran untuk memantau prestasi pelajar bukan sahaja di luar bilik darjah tetapi juga semasa latihan lisan dijalankan di dalam kelas. Mereka menghadapi masalah memberikan maklum balas yang terperinci kepada pelajar secara individu. Sebab utama adalah kerana guru tidak dapat mengenal pasti kesemua bahagian perbualan yang perlu pelajar tingkatkan dalam satu-satu sesi latihan bertutur yang dijalankan secara langsung. Pelajar juga tidak dapat mengingat apa yang telah mereka tuturkan dan mengalami cabaran untuk mengaitkan maklum balas yang diberikan guru kepada prestasi mereka semasa latihan lisan dilaksanakan. Kesannya, pelajar tidak dapat menggunakan maklum balas secara efektif untuk memperbaiki mutu isi perbualan mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar untuk memberikan isi perbualan yang bermutu, koheren dan menggunakan ilustrasi yang kukuh;
2. membantu guru memberikan maklum balas yang terperinci dengan berkesan kepada pelajar untuk komponen lisan; dan
3. menilai keberkesanan penggunaan portal SLS dalam menilai peningkatan kemahiran bertutur pelajar.

KAJIAN LEPAS

Satu kaji selidik telah dilakukan oleh D.Bentaa (2014) di mana statistik menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang tidak menyelesaikan tugas yang diberikan secara dalam talian lebih rendah daripada jumlah pelajar yang tidak menyelesaikan tugas secara bertulis. Melalui kajiannya, portal pembelajaran terbukti lebih berkesan dalam penghantaran tugas. Dengan menggunakan portal dalam talian, pelajar lebih terbuka untuk menerima kepelbagaian dan terdorong untuk mencuba sesuatu yang lebih mencabar. Oleh sebab itu, pengkaji terdorong untuk menggunakan portal SLS yang merupakan sebuah portal pembelajaran bagi meningkatkanelibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran dan menambah nilai PdP di sekolah.



Sesebuah pembelajaran akan menjadi lebih menarik apabila pelajar mencipta dan membina pengetahuan mereka sendiri. Menurut Kongchan (2013), aktiviti yang dilakukan dalam talian atau di laman sosial dapat menyediakan pelajar dengan proses aktif yang memberi makna signifikan kepada mereka. Pelajar dimotivasikan secara semula jadi melalui amalan pedagogi yang berkesan dan penggunaan teknologi. Selaras dengan pembangunan untuk memupuk kemahiran abad ke-21, portal SLS dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bertanggungjawab melalui aktiviti dalam talian yang dijalankan melalui gaya pembelajaran sendiri.

Rutin Berfikir

Rutin berfikir penting dalam menyumbang kepada proses pembelajaran yang lebih berkesan. Rutin berfikir memainkan peranan yang penting dalam membentuk ruang intelektual dalam sebuah kelas. Menurut McTighe & Lyman (1981), rutin berfikir mengandungi struktur yang mudah dan digunakan berkali-kali serta dapat membantu dan menyokong pemikiran yang terarah. Dalam sebuah kajian yang dilakukan oleh Ron Ritchhart (2006) pula, beliau mengatakan bahawa rutin berfikir dapat membantu pelajar untuk mencetus, meneroka, berbincang, mencatat dan dapat mengawal pemikiran pelajar dalam kelas tanpa bimbingan guru.

4P1S (Perasaan, Pendapat, Pengalaman, Pengajaran & Saranan)

Para guru di Sekolah Inggeris Assumption (AES) telah memperkenalkan teknik 4P1S kepada pelajar untuk membantu mereka mengenal pasti isi daripada bahan-bahan yang ditonton atau dibaca dan menyusun idea mereka.

Merujuk pada kajian yang dilakukan oleh Ritchhart, Palmer, Church & Tishman (2006), pembelajaran bermula dengan idea peribadi pelajar. (*Learning starts with the learner's own ideas.*) Oleh itu, 2P yang pertama dan kedua ialah Perasaan dan Pendapat. Isi yang kedua yang diketengahkan oleh Ritchhart pula adalah proses pembelajaran berhubung kait dengan terlibat secara peribadi. (*Learning involves getting personally involved.*) Oleh itu, 2P seterusnya ialah Pengalaman dan Pengajaran. Dengan memberikan pendapat dan pengajaran



berdasarkan topik atau isu yang diketengahkan, pelajar dapat menggunakan pengetahuan sedia ada mereka sebagai asas untuk mengembangkan isi mereka dengan lebih lanjut.

Justeru, pelajar dikehendaki untuk memulakan perbualan dengan menyatakan pendapat mereka secara peribadi dan melanjutkan perbualan itu dengan memberikan penjelasan yang relevan. Akhir sekali, S merujuk pada Saranan. Guru mahu pelajar bukan sahaja dapat mengenal pasti masalah dan isu yang diketengahkan melalui video yang ditonton, tetapi juga memberikan saranan untuk menyelesaikan masalah itu daripada sudut dan perspektif yang berbeza-beza.

PEEIL (Isi (*Point*), Huraian (*Elaboration*), Bukti/Contoh (*Evidence/Example*), Kesan (*Impact*) dan Kaitan (*Link*))

PEEIL pula merupakan struktur rutin berfikir yang telah guru-guru AES ubah suai daripada kaedah pemerenggan PEEL. White (2019) mendefinisikan kaedah tersebut sebagai sebuah struktur yang membantu dalam proses penulisan. Kaedah ini membantu pengguna untuk menumpukan perhatian kepada isi utama, menggunakan bukti dan contoh dengan betul dan memberi penghuraian informasi-informasi yang ada secara seimbang. '*Impact*' atau 'Kesan' ditambah untuk melengkapkan struktur bagi memenuhi tuntutan rubrik penilaian bahagian isi perbualan.

ASiBiDiBaM (Singkatan untuk soalan: Apa? Siapa? Bila? Di mana? Bagaimana? Menagapa?)

Teknik ini melibatkan proses menanyakan satu set soalan secara sistematik untuk mengumpul data supaya dapat menyampaikan sebuah laporan dengan baik. Matlamat teknik ini adalah untuk mengenal pasti punca masalah sebenar dan juga menerangkan situasi secara jitu. Teknik ASiBiDiBaM ini dipilih untuk membantu pelajar menghuraikan idea-idea mereka kerana teknik ini membantu untuk menerangkan situasi secara jelas, menentukan dan mengutamakan faktor-faktor kunci dan mencadangkan saranan-saranan yang bersesuaian dan berkesan.



KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah perancangan pedagogi dalam portal SLS yang menekankan pengalaman pembelajaran aktif melalui interaksi antara guru, pelajar dan kandungan. Kaedah ini mempunyai 3 fasa iaitu Penyediaan Pelajaran, Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas; yang disertakan soalan-soalan panduan dalam merancang sebuah pelajaran. Fasa Penyediaan Pelajaran membimbing guru untuk menetapkan objektif pembelajaran. Fasa Pelaksanaan Pelajaran memandu guru untuk memikirkan secara teliti reka bentuk PdP dan alat teknologi yang paling sesuai untuk memudahkan cara pembelajaran. Fasa Penilaian dan Maklum Balas pula memastikan guru memikirkan tentang bukti pembelajaran bersama penggunaan teknologi yang akan dikumpulkan untuk menilai sejauh manakah objektif pembelajaran tercapai dan keberkesanan reka bentuk aktiviti pembelajaran dengan teknologi yang digunakan (ETD; 2018).

Dalam merancang fasa pelaksanaan pelajaran, pembinaan pengalaman pembelajaran menggunakan struktur 'Pembelajaran Aktif bersama Teknologi' diusulkan. Struktur ini menuntut agar guru memikirkan tentang interaksi (a) Pelajar-Bahan (b) Pelajar-Pelajar dan (c) Guru-Pelajar melalui 4 jenis aktiviti berikut:

- Pembelajaran Aktif
- Menggalakkan Berfikir dan Perbincangan
- Memudah Cara Demonstrasi Pembelajaran
- Memantau dan Memberikan Maklum Balas

Aktiviti-aktiviti ini juga mengambil kira lingkungan sosial di mana aktiviti-aktiviti tersebut dikendalikan.

Terdapat 4 templat pengalaman pembelajaran pelajar yang dapat guru gunakan dalam portal SLS iaitu Pemerolehan, Perbincangan, Kolaborasi dan Inkuiri. Selain itu, guru juga diberikan kebebasan untuk membina dan menyusun pembelajaran secara sendiri melalui templat Penyesuaian. Untuk mencapai matlamat kajian ini, templat rangka Pemerolehan (ETD; 2018) digunakan untuk merancang PdP kajian.



Jadual 1: Penerangan Templat Membina Pengalaman Pembelajaran Pemerolehan

Pembelajaran Aktif	Menggalakkan Berfikir dan Perbincangan	Memudah Cara Demonstrasi Pembelajaran
Kumpulkan informasi	Mengenal pasti struktur dan pola dalam informasi untuk meneliti persamaan, perbezaan, variasi dan hubungan idea dengan konsep	Menilai dan mensintesis pembelajaran, Memudah cara penilaian sendiri dan rakan sebaya
Baca, Tonton, Dengar	Menganalisis, Membandingkan, Menyusun, Memperdalam pemahaman: Refleksi, Ulang, Ubah Suai	Mewakili, Menyampaikan, Menerangkan
Peranan ICT : Representasi multimodal berkenaan konsep	Peranan ICT: Analisis dan Sintesis	Peranan ICT: Membina produk digital



Memantau dan Memberikan Maklum Balas
Menilai dan mensintesis pembelajaran Memudah cara Penilaian Kendiri dan rakan sebaya
Menjelaskan, Mengkritik, Mereflek, Menilai
Peranan ICT: Menjejak dan Menilai Menyampaikan Maklum Balas

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 3 Ekspres yang berada dalam tahap pelbagai keupayaan iaitu keupayaan melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Pelajar juga telah diasingkan berdasarkan kriteria *Subject Based Banding*. Pelajar yang mengikuti kursus



aliran Ekspres terdiri daripada 16 orang pelajar. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan pelajar dalam menjawab soalan perbualan interaksi lisan berdasarkan video, khususnya memperbaiki mutu isi respons peribadi yang pelajar berikan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada perancangan pedagogi dalam portal SLS. Soalan-soalan panduan dalam perancangan pedagogi membimbing guru memikirkan objektif, langkah-langkah dan pengumpulan data yang menunjukkan pembelajaran pelajar.

Templat membina pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam portal SLS digunakan untuk merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif. Bahan-bahan yang digunakan untuk mengaktifkan pembelajaran terdiri daripada klip video “Teknologi di Tempat Kerja” yang didapatkan daripada ruang bahan-bahan media SLS. Kriteria kejayaan untuk menilai sama ada pelajar telah mengaplikasi rutin berfikir yang telah diajar juga dihasilkan untuk memastikan objektif PdP tercapai melalui penelitian hasil kerja pelajar. Rubrik penilaian perbualan lisan, khususnya komponen ‘Respons Peribadi dan Pengembangan Idea’ dimuatnaikkan ke portal SLS untuk digunakan sebagai panduan menjelaskan contoh rakaman audio pelajar.

Bagi bahagian memudah cara demonstrasi pembelajaran pula, soalan-soalan perbualan dihasilkan oleh guru berdasarkan penelitian jenis-jenis soalan perbualan lisan yang kerap diuji dalam peperiksaan lisan di peringkat nasional. Aplikasi alat rutin berfikir SLS diubah suai untuk menerapkan teknik 4P1S, ASiBiDiBaM dan PEEIL dan mendapatkan bukti pembelajaran pelajar. Alat rakaman audio SLS digunakan untuk pelajar mengaplikasi rutin berfikir yang telah diajar secara individu bagi memperbaiki isi perbualan dalam penyampaian lisan.

Hasil kerja pelajar yang dikumpulkan dalam ‘live lesson’ dan rakaman audio yang dihasilkan merupakan data bukti pembelajaran pelajar yang autentik



dan asli. Data ini boleh dianalisis guru secara spesifik untuk memberikan maklum balas yang terperinci sepanjang pembelajaran portal SLS.

Dalam aspek pengumpulan data, markah ujian lisan pelajar yang dikumpul sejak mereka berada di Menengah 1 dan 2 akan dibandingkan dengan dapatan markah ujian lisan di Menengah 3 selepas mereka melalui kaedah kajian yang dibentangkan. Selain itu, borang lapor balik pelajar sebelum dan selepas kajian digunakan untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan kaedah daripada perspektif pelajar.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan sepanjang 3 pelajaran. Dua pelajaran mengambil masa 1 jam dan satu lagi pelajaran mengambil masa 1 jam 30 minit.

Sebelum kajian dijalankan, sesi prapelajaran dijalankan guru dalam bilik darjah untuk membantu pelajar mengimbas kembali dan memahami penggunaan teknik 4P1S, ASiBiDiBaM and PEEIL. Sebuah video latihan ditayangkan dan secara berpasangan, pelajar membincangkan dan mengaplikasi teknik 4P1S, ASiBiDiBaM and PEEIL untuk menyelesaikan lembaran kerja penyusun grafik berdasarkan klip video latihan 1. Strategi 4P1S dipelajari secara bertahap dalam sesi amali tersebut. Beberapa orang pelajar dipilih untuk menyampaikan jawapan mereka di dalam kelas. Guru memberikan maklum balas secara verbal tentang keupayaan pelajar menggunakan 4P1S untuk menentukan isi perbualan.


Sesi kajian kemudian dijalankan di makmal komputer berdasarkan peta reka bentuk pemerolehan di bawah ini.



Jadual 2: Perancangan Bagi Pelaksanaan PdP

Ringkasan Pengalaman Pembelajaran	
Tingkatan/ Topik:	Menengah 3 Ekspres/ Perbualan Berdasarkan Video - Latihan 4P1S, ASiBiDiBaM & PEEIL
Konsep Utama:	<p><u>Konsep :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memahami penggunaan teknik 4P1S untuk melihat suatu topik daripada pelbagai perspektif (Pengalaman peribadi (Mengaitkan), Perasaan (Mengaitkan), Pendapat Peribadi (Menentukan senario dalam video), Pengajaran (Mengetahui pasti apa yang mereka nilai dalam video) dan Saranan (untuk menyelesaikan/ mengatasi isu yang terdapat dalam video). Memahami penggunaan teknik ASiBiDiBaM (Mengingat semula sebuah pengalaman) dan rutin berfikir PEEIL (Justifikasi) untuk menjelaskan dan mengembangkan idea.
Objektif Pembelajaran:	<p>Pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> mengaplikasi teknik 4P1S untuk mengenal pasti isi-isi yang boleh diperbuatkan berdasarkan video yang telah ditonton; dan mengaplikasi rutin berfikir ASiBiDiBaM & PEEIL untuk mengembangkan isi-isi perbualan.

Rajah 1: Peta Reka Bentuk Pembelajaran SLS



Setiap aktiviti yang dirancang kemudian dipadankan dengan kriteria kejayaan seperti dalam Jadual 3 supaya guru dapat mengenal pasti dan



mengumpulkan data pembelajaran pelajar untuk membantu memberikan maklum balas yang spesifik secara individu berdasarkan hasil kerja pelajar:

Jadual 3: Memadankan Aktiviti Pembelajaran Kepada Kriteria Kejayaan

Waktu Pelajaran/ Aktiviti	Kriteria Kejayaan
<p>Aktiviti 1: SLS Menonton dan memahami kandungan video (“Teknologi di Tempat Kerja”)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dapat mengaitkan teknik 4P1S kepada video untuk mengenal pasti isi-isi yang boleh mereka gunakan dalam perbualan.
<p>Aktiviti 2: SLS Mengaplikasi teknik 4P1S, ASiBiDiBaM and PEEIL (secara berpasangan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dapat mengaplikasi teknik 4P1S, ASiBiDiBaM & PEEIL kepada video latihan: <ul style="list-style-type: none"> ‡ Mengaitkan kehidupan saya kepada video dengan mengingat dan menceritakan semula sebuah pengalaman peribadi. ‡ Mengaitkan diri saya kepada watak-watak dalam video dengan mengongsi perasaan saya. ‡ Menilai senario-senario dalam video dengan memberikan justifikasi kepada pendapat peribadi saya melalui penggunaan rutin berfikir PEEIL. ‡ Mengenal pasti pengajaran dalam video dengan menjelaskan nilai yang terkandung dalam video. ‡ Mengatasi/menyelesaikan isu/masalah yang telah dikenal pasti dalam video dengan menjelaskan 2 saranan.
<p>Aktiviti 3: SLS Menggunakan maklum balas guru untuk memperbaiki jawapan-jawapan asal</p>	<ul style="list-style-type: none"> ‡ Mengenal pasti pengajaran dalam video dengan menjelaskan nilai yang terkandung dalam video. ‡ Mengatasi/menyelesaikan isu/masalah yang telah dikenal pasti dalam video dengan menjelaskan 2 saranan.
<p>Aktiviti 4: SLS Merakamkan respons peribadi kepada soalan perbualan berdasarkan isi-isi yang telah diperbaiki menggunakan alat rakaman audio</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dapat memperbaiki mutu jawapan asal dengan menggunakan maklum balas guru. • Pelajar dapat mengukuhkan jawapan dengan memberikan penjelasan, bukti-bukti dan contoh-contoh melalui rutin berfikir yang telah dipelajari.



Aktiviti 5: SLS

Mendengar semula rakaman audio sendiri dan mengenal pasti satu kekuatan dan satu kelemahan untuk diperbaiki bagi latihan seterusnya dan sebelum ujian lisan.


- Pelajar dapat **memantau dan menilai** keupayaan mengaplikasi rutin-rutin berfikir dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sendiri.

Aktiviti 1 dan 2 dijalankan dalam waktu pelajaran 1. Waktu pelajaran 2 digunakan guru untuk memberikan maklum balas dan mengetengahkan contoh-contoh baik aplikasi rutin berfikir sebelum pelajar menjalankan Aktiviti 3 dan 4. Pelajar menjalankan Aktiviti 5 dalam waktu pelajaran 3 setelah mendapat semula maklum balas guru dan memahami kriteria jawapan baik dan lengkap berdasarkan rubrik penilaian yang telah diberikan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, pelajar menunjukkan pelibatan yang positif semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang disediakan di portal SLS. Dengan menggunakan portal SLS untuk menjalankan PdP lisan, pelajar lebih selesa untuk menjawab soalan-soalan lisan.

Rajah 2: Perbandingan Dapatan Borang Maklum Balas Pelajar - Soalan 1




Rakaman suara yang dihasilkan para pelajar menunjukkan respons yang sungguh memberangsangkan kerana pelajar-pelajar lebih berkeyakinan dan juga dapat menjelaskan pendapat mereka dengan lebih mendalam berbanding




daripada sebelum menggunakan portal SLS. Natijahnya pelajar dapat menilai jawapan mereka dahulu sebelum menghantarkan rakaman suara kepada guru. Dengan kemudahan ini, pelajar dapatlah meningkatkan keupayaan mereka menjawab soalan dan pada masa yang sama dapat memperbaiki bahagian-bahagian yang lemah. Rajah 2 menunjukkan bahawa pelajar mampu menjelaskan isi-isi jawapan lisan mereka dengan baik.

Rajah 3: Perbandingan Dapatan Borang Maklum Balas Pelajar - Soalan 2



Antara kebaikan lain dalam menggunakan portal SLS untuk mengendalikan PdP lisan adalah ruang yang tetap untuk guru memberikan maklum balas kepada pelajar. Jikalau sebelumnya guru hanya dapat memberikan maklum balas yang umum kepada pelajar ataupun maklum balas diberikan setelah selesainya guru menguji pelajar. Dengan menggunakan portal SLS, guru dapat memberikan maklum balas kepada setiap pelajar dengan lebih mendalam. Pelajar juga dapat kembali ke tugas tersebut pada bila-bila masa sahaja kerana tugas, jawapan tugas serta maklum balas tersebut tidak akan terpadam. Dengan kemudahan inilah pelajar dapat mempertingkatkan prestasi menjawab soalan lisan kerana bahan-bahan ulang kaji senang didapati. Rajah 4 menunjukkan bahawa pelajar mengenal pasti kelemahan mereka semasa menjawab soalan-soalan lisan. Hal ini membantu pelajar untuk tidak mengulangi kesilapan dan memperbaiki kelakonan mereka pada masa hadapan.

Rajah 4: Perbandingan Dapatan Borang Maklum Balas Pelajar - Soalan 4



Berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam ujian lisan pula, didapati bahawa pelajar menunjukkan prestasi yang lebih baik untuk komponen isi perbualan berbanding prestasi mereka di Menengah 1 dan 2. Wajib diambil kira bahawa jenis soalan perbualan lisan di peringkat Menengah 2 dan 3 bersifat lebih di aras tahap tinggi berbanding di Menengah 1. Selain itu, topik perbualan berdasarkan video pula merupakan topik yang tidak begitu mudah, iaitu “Pelestarian Bangunan-Bangunan Warisan Singapura”.

Jadual 4: Perbandingan Markah Ujian Lisan Komponen Respons Peribadi Dan Pengembangan Idea Pelajar

Respons Peribadi dan Pengembangan Idea (20 markah)				
S/N	Pelajar	2017	2018	2019
1	A	13	14	13
2	B	14	13	16
3	C	14	13	14
4	D		17	15
5	E	15	16	15
6	F		14	16
7	G		10	4



8	H	13	12	12
9	I	14	14	16
10	J	12	12	14
11	K	14	12	14
12	L	13	13	14
13	M	13	14	16
14	N	13	12	13
15	O	15	11	15
16	P			13

Berdasarkan data yang dikumpul, dapat dilihat bahawa 10 daripada 16 pelajar atau 62.5% pelajar menunjukkan peningkatan markah antara 5% - 20%, iaitu 1 hingga 4 markah untuk komponen isi perbualan.

Jadual 5: Analisis Peningkatan Markah Komponen Respons Peribadi Dan Pengembangan Idea Pelajar

Kumpulan Pelajar	Jumlah Pelajar	Peratusan Pelajar
Markah menurun	4	25%
Tiada peningkatan markah	2	12.5%
Peningkatan 1 markah	3	18.75%
Peningkatan 2 markah	5	31.25%
Peningkatan 3 markah	1	6.25%
Peningkatan 4 markah	1	6.25%
Keseluruhan	16	100%

Berdasarkan profil pelajar, pelajar G dan H merupakan pelajar bukan penutur jati Bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayu pelajar G amat terhad dan dia tidak dapat memahami soalan lisan yang mengandungi istilah-istilah khas berkenaan pelestarian bangunan warisan. Bagi pelajar lain yang tergolong dalam kumpulan 'Markah Menurun' atau 'Tiada Peningkatan Markah', maklum balas pemeriksa ujian lisan menunjukkan mereka kurang memahami salah satu daripada 3 soalan yang diajukan dan isi-isi yang diketengahkan, walaupun dijelaskan tetapi tidak menepati kehendak soalan secara keseluruhan.



KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya, iaitu pelajar dapat memberikan isi-isi perbualan bermutu yang jelas, koheren dan menggunakan ilustrasi yang kukuh melalui penggunaan portal SLS. Portal SLS juga jelas membantu guru memberikan maklum balas dalam talian yang terperinci dan berkesan kepada pelajar untuk menilai peningkatan kemahiran bertutur pelajar.

Untuk memperbaiki lagi keberkesanan peta reka bentuk Pemerolehan yang digunakan dalam kajian ini, Aktiviti 5 dapat dilanjutkan agar pelajar membuat semula tugas merakamkan audio berdasarkan maklum balas yang diterima daripada guru dan renungan yang telah dibuat agar dapat dikukuhkan lagi perkara yang telah dipelajari. Aktiviti ini boleh diikuti dengan maklum balas akhir guru menggunakan senarai kriteria kejayaan yang boleh diberikan kepada pelajar. Kriteria kejayaan peta reka bentuk boleh juga diubah suai untuk dijadikan rubrik penilaian sendiri untuk pelajar belajar menilai sendiri prestasi mereka dan seterusnya menilai rakan mereka bagi latihan-latihan seterusnya.

Akhir kata, disarankan agar guru kerap meneroka dan menggunakan perancangan pedagogi, rangka-rangka, alat-alat dan bahan-bahan yang tersedia dalam portal SLS untuk meningkat prestasi berbahasa pelajar generasi kini melalui kaedah yang paling dekat dan seronok untuk mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Azra Zaheera Hairuddin

RUJUKAN

Academy of Singapore Teachers (2019) *Evidence Gathering Guide*. Dipetik pada 19 Julai 2019 dari kursus dalam talian OPAL- Using Technology to Gather Evidence of Student's Learning (LD 0121).

D. Bentaa, G. Bologaa, I. Dzitac, dari *Procedia Computer Science* (2014). *E-learning Platforms in Higher Education. Case Study*. Dipetik pada 12



November 2019 dari http://univagora.ro/m/filer_public/2014/05/29/e-learning.pdf

Kongchan, Chada (2013) *How Edmodo and Google Docs Can Change Traditional Classrooms*. Dipetik pada 12 November 2019 dari <https://docplayer.net/10565983-How-edmodo-and-google-docs-can-change-traditional-classrooms-chada-kongchan-king-mongkut-s-university-of-technology-thonburi-thailand.html>

Learning Partnership in Educational Technology (v1.1 2018) *SLS Design Challenge 2018 - A Teacher Designer Guide for Active Learning with Technology*. Singapore: Educational Technology Division, Ministry of Education.

McTighe, Jay & Lyman Jr, Frank.T (1981). *Cueing Thinking in the Classroom: The Promise of Theory Embedded Tools*. Dipetik pada 15 November 2019 dari http://www.ascd.org/ASCD/pdf/journals/ed_lead/el_198804_mctighe.pdf

Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Kementerian Pendidikan Singapura (18 Oktober 2019). *Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Menggunakan SLS (Sekolah Menengah)*. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Ritchhart, Ron; Palmer, Church & Tishman (2006), dari AERA Conference. *Thinking Routines: Establishing Patterns of Thinking in the Classroom*. Dipetik pada 15 November 2019 dari http://www.ronritchhart.com/Papers_files/AERA06ThinkingRoutinesV3.pdf

White, Susan (2019) dari All Assignment Help. *Use PEEL Paragraph to Write Perfect Essays*. Dipetik pada 16 November 2019 dari <https://www.allassignmenthelp.com/blog/peel-paragraph/>

